

U B979 AAB  
MAHATHIR - RAYU

KUALA LUMPUR, 5 FEB (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA HARI INI BELIAU TIDAK BERCADANG MERAYU TERHADAP KEPUTUSAN MAHKAMAH TINGGI DI SINI SEMALAM YANG UMNO ADALAH PERTUBUHAN TIDAK SAH.

INI, KATANYA, KERANA MAHKAMAH MEMBUAT KEPUTUSAN YANG MEMIHAK KEPADA UMNO DENGAN MENOLAK SAMAN YANG DIKEMUKAKAN OLEH 11 ANGGOTA UMNO YANG MENCABAR KESAHIHAN PERHIMPUNAN AGUNG DAN PEMILIHAN PARTI ITU PADA 24 APRIL LALU.

HAKIM DATUK HARUN HASHIM, DALAM KEPUTUSANNYA BERKATA BELIAU TIDAK PERLU MENGISYTIHARKAN PERHIMPUNAN DAN PEMILIHAN ITU SEBAGAI TIDAK SAH DAN TIDAK BERKUATKUASA KERANA UMNO SENDIRI SUDAH MENJADI PERTUBUHAN TIDAK SAH OLEH KERANA PARTI ITU TELAH MENUBUHKAN CAWANGAN-CAWANGAN TANPA KELULUSAN PENDAFTAR PERTUBUHAN.

BELIAU MEMUTUSKAN BAHAWA BILA SESEBUAH PERTUBUHAN MEMBENTUK SATU CAWANGAN TANPA KELULUSAN PENDAFTAR, TIDAK SAJA CAWANGAN ITU DIANGGAP TIDAK SAH MALAHAN PERTUBUHAN INDUK ITU SENDIRI. - BERNAMA  
1913MST 05 02 88